

Kadar jenayah semakin menurun

SALAK- Kadar jenayah di Sepang pada tahun ini menurun sebanyak 6.8 peratus jika dibandingkan dengan tahun lalu sekali gus ia menjadi bukti komitmen penduduk dan polis untuk bersama memerangi jenayah semakin berkesan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar berkata, penurunan kadar jenayah sememangnya matlamat yang diharapkan menerusi program Komuniti Kepolisan yang dianjurkan di setiap daerah.

Beliau berkata, pada saat polis sering dipersalahkan oleh pihak yang tidak berpuas hati dengan unit beruniform berkenaan, masih ada masyarakat yang sentiasa memberi semangat dan inspirasi kepada polis untuk memberikan perkhidmatan yang tidak berbelah bahagi.

"Kita harap anggota polis terus mendapat kerjasama, muafakat dan persefahaman dengan masyarakat tanpa ada perasaan curiga antara satu

sama lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program Kepolisan Komuniti anjuran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang di Padang Awam Salak dekat sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Salak, Wong Thian Yew berkata, tugas polis hari ini semakin mencabar dan memerlukan komitmen dalam kalangan penduduk untuk turut sama membantu menjaga keamanan, bukan hanya menyerahkan kepada pihak terbabit semata-mata.

"Sebagai warga Malaysia yang bertanggungjawab, semua pihak perlu memainkan peranan sebagai mata dan telinga polis untuk sama membanteras jenayah supaya masyarakat dapat hidup tenang dan kejadian jenayah yang terkawal.

"Penduduk sering mendapat tindak balas yang memberangsangkan dari-

pada pihak polis terutama dalam usaha membanteras jenayah sejak program ini dilancarkan tahun lalu di sini," katanya.

Sementara itu, wakil Komuniti Kepolisan Kawasan Rista Villa, Putra Perdana, Rushdan Mohamed berkata, pegawai polis sentiasa hadir dalam perjumpaan yang diadakan bersama pemimpin masyarakat, pemimpin kemajuan rakyat, JKKK dan ketua kampung untuk berbincang mencegah jenayah di kawasan masing-masing.

"Polis mengadakan rondaan bersama-sama Rela dan rukun tetangga di kawasan perumahan dari masa ke masa, selaras tujuan program berkenaan untuk menyedarkan masyarakat mengenai bahaya jenayah dan implikasinya termasuk kegiatan dadah.

"Kita perlu mengambil langkah-langkah proaktif untuk mencegah jenayah dan kegiatan jenayah akan berjaya dibendung jika polis mendapat sokongan



● Khalid bersama Mohamed Zin (tengah) diiringi Ketua Polis Sepang, Superintendan Zahedi Ayob (empat, kanan) menyaksikan persembahan tarian singa.

padu daripada masyarakat," katanya.

Pada program berkenaan turut diadakan persembahan daripada Unit Berkuda Polis Diraja Malaysia (PDRM), Badan

Kebudayaan PDRM, panca-ragam oleh para pelajar Sekolah Menengah Seri puteri, sukan rakyat, pameran dari jabatan-jabatan dalam PDRM, kaunter bayaran saman, pendaftaran se-

bagai Rakan Cop dan pemeriksaan kesihatan percuma.

Hadir sama, Ahli Parlimen Sepang, Datuk Seri Ir Mohamad Zin Mohamed.